**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**4 Dis 2020 (Jumaat)**

**Berita Harian**
3 lagi kementerian lulus peruntukan Belanjawan 1
6.2 juta penduduk lengkap isi maklumat e-CENSUS 2
Data banci ekonomi perlu sentuh semua aspek 3
e-CENSUS perlu maklumat tepat 4

**Utusan Malaysia**
PN tinggalkan PH 11-0 5
Zakat atas wang simpanan 6
Sasar 30% wanita pembuat keputusan 7
Bantahan pembinaan kolumbarium lima tingkat 8

**Harian Metro**
Anak lelaki P Ramlee terus dihujani dugaan 9
Kos anjur Apec RM66.6 juta 10

**Sinar Harian**
Rayuan pengusaha kilang haram ditolak 11

**Astro Awani**
Skuad PANTAS LUAS Secara Rasmi Beroperasi Pada Selasa 12

**Selangor TV**
Dasar Kelulusan 100 Hari Tarik Pelaburan RM216 Juta 13
EXCO: Tiada Diskriminasi, Peluang Kerja Diberi Sama Rata 14
Selangor Sedia Pertimbang RiDE Untuk Kenderaan Lain 15

**The Star**
New roof provides more than just shelter 16
COUNCIL MATTERS 17

**Nanyang Siang Pau**
Selangor government’s Klang Meru test, 8 out of 541 residents tested positive 18
No longer participate in general election and party election, Teng Chang Khim will withdraw from politics 19

**Oriental Daily**
Teng Chang Khim releases resignation form 20

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>4 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 3 lagi kementerian lulus peruntukan Belanjawan |
| Muka Surat | : | 8 |

*Sidang Dewan Rakyat*

# 3 lagi kementerian lulus peruntukan Belanjawan

## Dana anjur APEC 2020 secara maya hangatkan sesi penggulungan

Oleh Rohaniza Idris dan Muhamad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat semalam meluluskan tiga lagi Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan) 2021 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

RUU Perbekalan 2021 bagi MITI diluluskan dengan undian belah bahagian, manakala KPDNHEP dan MEDAC diluluskan melalui undian suara majoriti.

Pelaksanaan undian belah bahagian bagi MITI itu diputuskan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun.

RUU itu diluluskan selepas 110 menyokong, 104 tidak menyokong dan enam tidak hadir.

Difahamkan sokongan padu diterima daripada semua penyokong kerajaan yang hadir, hanya dua wakil rakyat kerajaan tidak hadir, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah (BN-Gua Musang) dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan (STAR-Keningau).

MITI menjadi kementerian keempat yang ditentukan kelulusan RUU Perbekalan 2021 melalui kaedah undi belah bahagian.

Hingga kini, 11 kementerian sudah mendapat kelulusan Dewan Rakyat untuk peruntukan Belanjawan 2021.

Semalam, sebelum undian dijalankan, sesi penggulungan bagi MITI dilakukan menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Bagaimanapun, berlalu pertikaman lidah dalam dewan apabila Azmin menyentuh mengenai peruntukan untuk penganjuran Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Isu mengenai peruntukan APEC dibangkitkan Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (UPKO-Tuaran) yang mahu tahu kenapa MITI menetapkan peruntukan RM25 juta dalam anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 bagi persidangan itu sedangkan ia berlangsung secara maya pada November lalu.

Azmin menjelaskan peruntukan untuk APEC itu bukan ditentukan kerajaan Perikatan Nasional, sebaliknya ditetapkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) ketika meluluskan peruntukan penganjuran APEC 2020 berjumlah RM350 juta pada 12 Julai 2019.

Katanya, penyaluran peruntukan pada 2019 adalah bagi membiayai kerja persediaan awal, manakala pada 2020 untuk menampung penganjuran sebenar Persidangan APEC sepanjang 2020.

Peruntukan pada 2021 pula bagi menampung pembayaran akhir segala komitmen kontrak yang masih berkuat kuasa selepas Persidangan APEC 2020 serta menyelesaikan segala proses dokumentasi APEC 2020 bagi tujuan arkib dan pengauditan.

Beliau menjelaskan hanya meneruskan apa yang sudah diputuskan kerajaan PH dan perkara berkenaan perlu diajukan kepada bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking (WARISAN-Penampang) serta bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (PH-Bagan).



> *Peruntukan untuk APEC itu bukan ditentukan kerajaan Perikatan Nasional, sebaliknya ditetapkan kerajaan PH ketika meluluskan peruntukan penganjuran APEC 2020 berjumlah RM350 juta pada 12 Julai 2019.*
>
> ***Mohamed Azmin Ali,*** *Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

Jawapan Azmin itu menyebabkan Guan Eng bangun mencelah dan menyatakan kenyataan itu sebagai tindakan mengacau beliau, lalu beliau mengutarakan soalan adakah tindakan kerajaan PH mengurangkan peruntukan untuk APEC daripada RM635 juta kepada RM350 juta tindakan yang salah.

Azmin menjelas beliau tidak mempertikaikan perkara itu, sebaliknya memberi maklum balas apa yang dibangkitkan Tuaran (Madius) dan Ong Kian Ming (PH-Bangi).

Dalam penggulungan itu, Azmin menjelaskan peruntukan penganjuran APEC 2020 dapat dijimatkan RM233.4 juta selepas format persidangan dilaksanakan secara maya berikutan penularan pandemik COVID-19.

Peruntukan asal bagi penganjuran persidangan itu adalah RM350 juta yang dibahagikan mengikut tiga fasa.

Fasa pertama RM20 juta disalurkan bagi 2019; RM300 juta untuk 2020 dan selebihnya RM30 juta untuk 2021.

"(Bagaimanapun) Hanya RM66.6 juta digunakan meliputi penyaluran kepada tiga kementerian lain berjumlah RM13.1 juta, iaitu RM7 juta untuk Kementerian Kewangan; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (RM4.1 juta) dan Kementerian Dalam Negeri (RM2 juta).

"Baki sebanyak RM53.5 juta dibelanjakan bagi penganjuran persidangan APEC pada pelbagai peringkat, termasuk mesyuarat peringkat menteri berkaitan sektor perdagangan, kesihatan, kewangan, wanita, perusahaan kecil dan sederhana, keselamatan makanan serta mesyuarat pegawai kanan yang bermula seawal Disember 2019," katanya.

Mengulas lanjut, Azmin menjelaskan Malaysia berjaya menganjurkan Mesyuarat Menteri-Menteri APEC dan Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC pada 20 November lalu.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 146 mesyuarat dan program berkaitan pada pelbagai peringkat sudah diadakan sepanjang tahun penganjuran APEC 2020.

"Penjimatan berjumlah RM233.4 juta sudah dipulangkan kepada Kementerian Kewangan untuk menyokong usaha pemulihan ekonomi melalui beberapa pakej rangsangan ekonomi bagi membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>4 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 6.2 juta penduduk lengkap isi maklumat e-CENSUS |
| Muka Surat | : | 14 |

# 6.2 juta penduduk lengkap isi maklumat e-CENSUS

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 6.2 juta penduduk Malaysia sudah melengkapkan bancian kendiri menerusi sistem dalam talian atau e-CENSUS, sejak ia dilaksanakan pada 7 Julai lalu.

Kadar yang dicatatkan setakat kelmarin itu menunjukkan prestasi bancian dalam talian, berikutan penularan wabak COVID-19 dan sebahagian pendekatan terbaharu Jabatan Perangkaan Malaysia mencapai tahap 20 peratus setakat ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata penerimaan maklum balas daripada penduduk di sesetengah negeri seperti Johor dan Selangor merekodkan pencapaian lebih memberangsangkan apabila hampir 30 peratus mengemukakan butiran menerusi e-CENSUS, manakala pusat pentadbiran kerajaan, Putrajaya mencapai hampir 80 peratus.

"Memasuki hari ke-150 sejak e-CENSUS dilaksanakan, negeri seperti Sabah, Kelantan, Terengganu dan Kedah mencatatkan kadar maklum balas hampir 15 peratus, justeru berbaki 18 hari sebelum bancian dalam talian berakhir, kita jangka lebih ramai akan menyertai bancian dalam talian.

"e-CENCUS boleh dibuat secara berfasa, bermaksud maklumat disimpan dan disambung kemudian sekiranya mempunyai kekangan.

"Orang ramai juga boleh mengisi maklumat sama ada di rumah, pejabat atau ketika dalam perjalanan ke tempat kerja. Ambil sedikit masa, iaitu antara 45 minit hingga satu jam sahaja," katanya pada program *Bicara BH* yang disiarkan secara langsung melalui Facebook dan Youtube Berita Harian Online, semalam.

Dikendalikan moderator Fazilah Hani Harun, bicara bertajuk 'Banci 2020 - Mengapa Anda Perlu Dibanci? turut disertai Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti Universiti Selangor (UNISEL), Prof Madya Dr Hamdan Salleh.

Mohd Uzir berkata, prestasi semasa e-CENSUS belum mencapai sasaran ditetapkan, khususnya di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan sebahagian Pulau Pinang yang mempunyai capaian internet yang lebih baik.

> ***e-CENCUS boleh dibuat secara berfasa, bermaksud maklumat disimpan dan disambung kemudian sekiranya mempunyai kekangan.***
>
> ***Mohd Uzir Mahidin,***
> *Ketua Perangkawan Malaysia*

Bagi penduduk di kawasan luar bandar, katanya, pendekatan bersemuka menerusi pelaksanaan fasa kedua membabitkan pasukan pembanci akan mula menjelajah mulai 20 Januari hingga 6 Februari tahun depan.

"Pengalaman kita apabila turun ke lapangan, ke kawasan 'hijau' untuk membanci, membawa komputer riba, kita dapat sambutan amat baik. Kadang kala penduduk veteran, iaitu 60 tahun ke atas ini bukan tidak mahu isi e-CENSUS, cuma mereka perlu dibantu.

"Kita amat terkejut apabila mendapat sambutan yang luar biasa bersama dengan penduduk yang mana penganjuran mengisi e-CENSUS di balai raya contohnya berlanjutan sehingga jam 11 malam dan masih ramai lagi tampil untuk memberikan kerjasama.

"Jika kawasan luar bandar juga teruja untuk menggunakan e-CENSUS, saya harap kawasan bandar, khususnya membabitkan anak muda, mereka dapat melaksanakan e-CENSUS sebelum tarikh tutup. Jangan tunggu saat akhir," katanya.

Menyentuh SOP yang bakal digunakan ketika bancian secara bersemuka, Mohd Uzir berkata, SOP dipersetujui bersama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.

Bersandarkan kerangka SOP itu, katanya, petugas bancian akan hanya mengambil maklumat dari luar rumah, dengan mengekalkan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter, selain memakai pelitup muka.

"Bagi kawasan merah, kita akan dapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang juga ahli dalam jawatankuasa pemandu bancian negara," katanya.

Mengulas kebimbangan melakukan e-CENSUS kerana khuatir maklumat peribadi 'jatuh' ke tangan pihak luar, Mohd Uzir memberi jaminan setiap butiran yang disalurkan ialah rahsia, malah paparan maklumat pasca analisis hanya meliputi rangkuman mengikut peringkat umur, profil, kerjaya, pendidikan dan lain-lain.

Beliau menegaskan setiap maklumat yang diperoleh menerusi e-CENSUS tidak boleh disebarkan kepada umum, malah Jabatan Perangkaan Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjadikan aspek kerahsiaan data peribadi sebagai keutamaan tertinggi ketika menjalankan bancian.

"Maklumat bancian ini penting dalam memandu perancangan kerajaan dan penggubalan dasar berkaitan, supaya ia lebih berkesan, mampan serta sampai ke golongan sasar bersandarkan situasi semasa di sesuatu kawasan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

## KERATAN AKHBAR
## 4 December 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Data banci ekonomi perlu sentuh semua aspek |
| Muka Surat | : | 14 |

# Data banci ekonomi perlu sentuh semua aspek




***Mohd Uzir (tengah) bersama*** *Hamdan dan Fazilah Hani pada program Bicara BH, di Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Rohanis Shukri/BH)

## Bakal dilaksana 2022 sebagai kesinambungan rancangan pembangunan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

**BICARA BH**

**Kuala Lumpur:** Banci ekonomi akan dilaksanakan pada 2022 sebagai kesinambungan rancangan pembangunan negara, berikutan perubahan demografi penduduk dan perumahan yang direkodkan pada tahun ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata banci ekonomi lazimnya dilakukan setiap lima tahun dan semua soalan bakal dijawab oleh syarikat, merangkumi pelbagai sektor dan industri yang beroperasi di negara ini.

Katanya, maklumat daripada banci ekonomi penting kerana ia akan digabungkan dengan hasil analisis Banci Penduduk dan Perumahan 2020 yang mula dilaksanakan secara dalam talian, sejak 7 Julai lalu.

"Kita nak segenap aspek disentuh oleh kerajaan secara kolektif supaya sistem ekonomi tidak kaku dan tercicir daripada ledakan pembangunan sehingga merencatkan kualiti kehidupan rakyat. Kita ambil konteks kadar kelahiran negara yang menjangkau 500,000 orang setahun.

"Jadi, dengan kadar kelahiran ini, kita nak tahu apa yang akan berlaku pada mereka nanti kerana sistem statistik ini, kita sudah kira sejak dari awal, bersandarkan maklumat berat badan, jantina, di mana mereka lahir dan sebagainya.

"Mereka juga nanti memerlukan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan sehingga ke menara gading, selain peluang pekerjaan sebaik menamatkan pengajian. Justeru, matlamat kita ialah untuk mewujudkan sistem yang lebih baik.

"Kaedah untuk mencapainya, ialah menerusi data dan ia bukan sekadar meletakkan kebergantungan kepada maklumat banci penduduk dan perumahan, tetapi banci ekonomi yang merangkumi perihal eksport, import, pelaburan langsung asing (FDI), pekerjaan, teknologi, produktiviti dan lain-lain," katanya pada program *Bicara BH*, di sini, semalam.

Dikendalikan moderator Fazilah Hani Harun, bicara bertajuk 'Banci 2020 - Mengapa Anda Perlu Dibanci? turut menampilkan Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti Universiti Selangor (UNISEL), Prof Madya Dr Hamdan Salleh.

Selepas digabungkan kedua-dua set data, Mohd Uzir berkata, pelbagai perancangan seterusnya berupaya dilakukan, termasuk dalam meneliti jenis kemudahan bersesuaian untuk kelompok masyarakat yang berusia lebih daripada 60 tahun atau warga emas.

Katanya, hal itu kerana penduduk di Malaysia ketika ini merekodkan perubahan jangka hayat, berkemungkinan susulan peralihan gaya hidup dan corak pemakanan yang menyaksikan usia bagi lelaki menjangkau 72 tahun, manakala perempuan ialah 77 tahun.

"Kita akan ramai warga tua yang memerlukan perhatian dan jenis kemudahan bersesuaian, selain kerajaan wajar memikirkan soal produktiviti di sektor pekerjaan serta aspek lain berkaitan penjanaan ekonomi negara," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>4 December 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | e-CENSUS perlu maklumat tepat |
| Muka Surat | : | 15 |



**Proses bancian menggunakan kaedah e-CENSUS** *perlu diisi dengan tepat bagi membolehkan kerajaan merangka inisiatif berkesan dan bersesuaian.* (Foto hiasan)

# e-CENSUS perlu maklumat tepat

## Kerajaan akan tentukan dasar terbaik rungkai masalah babit kumpulan 'rentan'

**Kuala Lumpur:** Maklumat salah jika dikemukakan dalam proses bancian akan mengundang kesan negatif terhadap keseluruhan corak pembangunan negara, khususnya berkaitan penyusunan dasar dan inisiatif untuk golongan sasar.

Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti Universiti Selangor (UNISEL), Prof Madya Dr Hamdan Salleh, berkata aspek ketepatan maklumat dan latar belakang sebelum proses penggubalan dasar atau langkah membuat keputusan adalah amat penting.

Menerusi maklumat tepat, katanya, kerajaan akan tentukan dasar terbaik bagi merungkai masalah membabitkan kumpulan 'rentan' seperti golongan isu rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan M40.

"Kalau maklumat dalam e-CENSUS diisi secara sambil lewa, bagaimana kerajaan nak membantu golongan terpinggir kerana corak data yang dikemukakan tidak memberi suatu keperluan untuk kerajaan melaksanakan usaha sedemikian.

"Menerusi maklumat yang tepat, baru kerajaan boleh tahu apa punca masalah yang dihadapi dan langkah terbaik bagi merungkai isu berkaitan, contohnya membabitkan M40. Mungkin juga T20 turut berdepan masalah.

"Bagaimanapun, ini hanya boleh diperhalusi sekiranya setiap maklumat yang diberikan dalam e-CENSUS ialah tepat, bagi memandu keputusan kerajaan ke arah pelaksanaan inisiatif berkesan," katanya pada program *Bicara BH*, di sini, semalam.

Dikendalikan moderator Fazilah Hani Harun, bicara bertajuk 'Banci 2020 - Mengapa Anda Perlu Dibanci? turut menampilkan Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.



**Bancian keenam** *menampilkan pelbagai elemen penambahbaikan.* (Foto hiasan)

Meneliti corak soalan yang dikemukakan dalam e-CENSUS, Hamdan berkata bancian keenam sejak kali pertama pada 1970 itu menampilkan pelbagai elemen penambahbaikan dan penerapan ciri pengkhususan bagi memperhalusi sebarang perubahan dalam tempoh 10 tahun.

"Untuk jadi negara hebat, kita kena rintis usaha yang kena pada tempatnya, justeru ia memerlukan data khusus dan bersifat mikro. Sistem bancian ini, meskipun sekali dalam tempoh 10 tahun, ia amat terangkum dan data raya daripada pendekatan ini berupaya memacu hala tuju Malaysia.

"Kita lihat kawasan Kerinchi, dulu satu keluarga sebuah kereta, tetapi sekarang situasi berbeza dan ia memerlukan perkembangan dasar daripada kerajaan, menerusi maklumat dibekalkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

"Istilah urbanisasi yang cuba diterapkan Malaysia hanya boleh dicapai sekiranya kita mempunyai data tepat daripada proses bancian. Selepas kali keenam diadakan, kita tengok banci kali ini menerapkan set soalan yang sangat terperinci.

"Ini sekali gus bakal menjadi pemangkin ke arah merealisasikan matlamat Malaysia untuk mencapai status negara maju dan mempunyai dasar yang bersifat menyeluruh dan terangkum," katanya.



> ***Kalau maklumat dalam e-CENSUS diisi secara sambil lewa, bagaimana kerajaan nak membantu golongan terpinggir kerana corak data yang dikemukakan tidak memberi suatu keperluan untuk kerajaan melaksanakan usaha sedemikian.***
>
> ***Hamdan Salleh,***
> *Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti UNISEL*

| **KERATAN AKHBAR**<br>**4 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | PN tinggalkan PH 11-0 |
| Muka Surat | : | 5 |

## Azmin, Guan Eng 'berentap' isu peruntukan APEC

# PN tinggalkan PH 11-0

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my



LIM GUAN ENG

MOHAMED AZMIN ALI

**KUALA LUMPUR:** Sesi perbahasan belanjawan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semalam tegang selepas beberapa ahli Parlimen membangkitkan soal peruntukan yang diberikan untuk Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia (APEC) 2020.

Perbalahan tercetus melibatkan Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Datuk Seri Wilfred Madius Tangau **(UPKO-Tuaran)** dan Lim Guan Eng **(PH-Bagan).**

Dalam perbahasan tersebut, Azmin mendedahkan Pakatan Harapan (PH) meluluskan RM635 juta bagi menampung kos APEC pada tahun 2018.

Katanya, PH kemudian mengurangkan jumlah kepada RM350 juta melibatkan tiga fasa, iaitu RM20 juta untuk tahun 2019; RM300 juta untuk tahun 2020 dan selebihnya RM30 juta untuk tahun 2021.

"Penyaluran tahun 2019 adalah untuk membiayai persediaan awal manakala bagi penyaluran 2020 buat penganjuran sebenar persidangan APEC sepanjang tahun.

"Mesyuarat APEC bukan sahaja pada 20 November, tapi persidangan APEC selama satu tahun yang bermula di Langkawi pada tahun 2019. Saya hanya menyambung tugas untuk menjayakan APEC 2020," katanya dalam ucapan perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan ( Belanjawan ) 2021 peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat semalam.

Ketika mengulas tentang penjimatan yang dilakukan kerajaan Perikatan Nasional (PN) terhadap peruntukan APEC 2020, beliau berkata, persidangan itu hanya menelan kos RM66.6 juta dan baki RM233.4 juta dipulangkan kepada Kementerian Kewangan bagi kegunaan pakej rangsangan serta usaha pemulihan ekonomi.

"Bagi tahun 2020, walaupun RM300 juta diperuntukkan bagi menampung kos penganjuran APEC 2020, peralihan format penganjuran daripada fizikal kepada maya berikutan penularan pandemik Covid-19 yang menyebabkan penutupan sempadan negara, memberikan penjimatan RM233.4 juta.

"Hanya RM66.6 juta digunakan meliputi penyaluran kepada tiga kementerian lain berjumlah RM13.1 juta (Kementerian Kewangan RM7 juta, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya RM4.1 juta dan Kementerian Dalam Negeri RM2 juta)," ujarnya.

> **"Mesyuarat APEC bukan sahaja pada 20 November, tapi persidangan APEC selama satu tahun yang bermula di Langkawi pada tahun 2019. Saya hanya menyambung tugas untuk menjayakan APEC 2020."**
>
> MOHAMED AZMIN ALI

Guan Eng kemudiannya mencelah dan mendakwa jumlah berkenaan masih terlalu tinggi bagi persidangan yang dijalankan secara dalam talian serta menggesa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) melakukan siasatan.

Mohamed Azmin dalam masa yang sama turut mendakwa Guan Eng cuba bermain politik dan berkata penjelasan lanjut akan dibuat secara bertulis.

Dalam pada itu, walaupun dilihat berdepan laluan sukar, RUU Perbekalan (Belanjawan) 2021 peringkat jawatankuasa kementerian itu akhirnya diluluskan menerusi undian belah bahagian.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun turut mengarahkan pemerhati bagi setiap ketua blok ketika undi belah bahagi dilaksanakan.

Setiap pemimpin blok yang membuat pengiraan akan dipantau oleh seorang ahli Parlimen daripada pihak lawan.

Peruntukan dua lagi kementerian, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi diluluskan menerusi undian suara.

Ini menjadikan belanjawan 11 kementerian diluluskan setakat ini dengan empat daripadanya diluluskan secara undian belah bahagian manakala tujuh dengan undian suara.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**4 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Zakat atas wang simpanan |
| Muka Surat | : | 21 |

# Zakat atas wang simpanan

**Oleh HAMIZUL ABDUL HAMID**
gayautusan@mediamulia.com.my

MENYEBUT tentang wang simpanan, kita hendaklah memastikan bahawa hak orang lain di dalamnya dikeluarkan pada setiap tahun. Itulah zakat wang simpanan. Suatu zakat yang perlu kita tekuni dengan lebih terperinci.

Hakikatnya, zakat wang simpanan itu dikenakan ke atas semua jenis wang simpanan kita, sama ada wang itu disimpan di dalam bank, di dalam peti besi, di dalam tabung buluh, di bawah tilam atau di mana sahaja. Selagi mana wang itu disimpan, maka ia masuk dalam kategori wang simpanan.

Begitu juga jika wang disimpan dalam bentuk pelaburan. Ada orang yang melabur dalam bentuk pelaburan jangka pendek, maka dia mendapat keuntungan segera. Ada yang membeli emas, lalu menyimpan wangnya dalam bentuk nilaian emas yang selalunya akan naik pada masa akan datang. Pokoknya wangnya boleh berkembang.

Ada juga wang yang disimpan mengikut mata wang negara tertentu. Mereka yang suka melancong selalunya rajin mengumpul mata wang negara asing. Itu juga sejenis wang simpanan. Ingatlah, wang itu ada nilaiannya dalam RM malah ada yang lebih tinggi dari RM bila ditukarkan.

Ada juga orang yang menukar wangnya kepada dinar atau dirham, katanya mahu mengikut sunnah nabi. Era Revolusi Industri (IR) 4.0 kini, ada orang yang menyimpan wang dalam *crypto currency* atau wang digital (Selangor sedang dalam proses memfatwakannya) dan ada yang menyimpannya dalam e-Wallet.

Pendeknya, mekanisme penyimpanan wang pada hari ini adalah pelbagai dan sangat variatif bentuknya. Wang simpanan tidak lagi boleh diindikasikan hanya kepada simpanan wang di bank semata-mata. Inti atau dasarnya, setiap wang simpanan itu ada zakatnya.



WANG simpanan juga wajib ditunaikan zakat apabila cukup tempohnya. - UTUSAN/AMIR KHALID

**FORMULA**

**(Jumlah wang simpanan penghujung haul + pelbagai bentuk simpanan lain) - Jumlah simpanan yang telah dizakatkan = Baki mencapai atau melebihi nisab x 2.5%**

**FORMULA SELANGOR**

**Wang simpanan + Wang pelaburan + Emas bukan perhiasan + Emas perhiasan melebihi uruf = Jumlah mencapai atau melebihi nisab x 2.5%**

Di Selangor, Fatwa Zakat 2017 menyatakan, zakat ke atas wang simpanan hendaklah dikira dengan mengambil baki keseluruhan wang simpanan pada penghujung haul. Kenapakah Selangor tidak mengenakan zakat wang simpanan ke atas baki terendah di dalam haul? Ada beberapa justifikasinya.

Berdasarkan kaedah fiqh, iaitu *at-tabi' tabi'* (لتابع تابع) iaitu zakat harta berkembang dikira bermula dari induk pengembangannya. Ia disamakan seperti zakat ternakan, dilihat pada penghujung haul jumlah keseluruhan ternakan dan bukannya dilihat pada sepanjang haul jumlah terendah ternakan yang dimiliki.

Mengelakkan elemen helah dalam kalangan *muzakki* yang mungkin dilakukan dengan sedar atau tanpa sedar. Jika Abu mempunyai dua akaun bank dan masing-masing akaun bank itu baki terendahnya di bawah nisab, maka Abu

> **"Mekanisme penyimpanan wang pada hari ini adalah pelbagai dan sangat variatif bentuknya."**

bebas daripada zakat wang simpanan. Padahal, Abu telah membuat silang transaksi di pertengahan haul dengan mengeluarkan wang dari akaun A masuk ke akaun B, sehingga menyebabkan masing-masing akaun mempunyai baki terendah di bawah nisab.

Untuk mengira zakat wang simpanan di Selangor, maka pemilik wang simpanan perlu melihat jumlah keseluruhan simpanannya pada penghujung haul. Jika dia mempunyai lebih daripada satu akaun atau jenis simpanan, sila campurkannya semua. Kemudian, hendaklah dibuat pelarasan dengan menolak wang simpanan yang telah dizakatkan.

Contoh: Ali telah membuat potongan zakat pendapatan melalui gaji, lalu lebihannya dimasukkan ke dalam akaun simpanannya. Maka lebihan pendapatan itu sudah dizakatkan. Nanti di penghujung haul, Ali hendaklah mengambil jumlah keseluruhan simpanan dan ditolak dahulu lebihan pendapatannya yang disimpan. Hanya bakinya sahaja yang perlu dizakatkan.

Ali turut mempunyai pelbagai bentuk simpanan, misalnya matawang asing, dinar, dirham, dan juga pelaburan emas. Maka Ali perlu mencampurkan keseluruhan bakinya dan menukarkannya ke dalam RM.

**Formula**: (Jumlah wang simpanan penghujung haul + pelbagai bentuk simpanan lain) - Jumlah simpanan yang telah dizakatkan = Baki mencapai atau melebihi nisab x 2.5%.

Jika seseorang itu menyimpan wang di dalam institusi yang sudah membayarkan zakat bagi pihaknya, misalnya Tabung Haji (TH) maka dia tidak perlu lagi menunaikan zakat bagi wang simpanan itu.

Namun, sekiranya wang simpanannya yang berada di luar TH masih tidak mencapai nisab, maka dia wajib mencampurkannya dengan jumlah wang simpanan di dalam TH untuk melihat jumlah keseluruhannya adakah mencapai nisab atau tidak. Jika mencapai nisab, dia wajib mengeluarkan zakat atas wang simpanannya yang berada di luar TH itu.

Bagi wang KWSP yang dikeluarkan, ia bukanlah termasuk dalam kategori wang simpanan, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada pendapatan yang wajib dizakatkan sebagai zakat pendapatan. Maka pengeluaran wang KWSP tidak perlu dicampurkan dengan lain-lain simpanan untuk dizakatkan.

Jika seseorang itu menyimpan wangnya di sektor yang tidak halal atau tidak patuh syariah, maka dia tidak boleh mencampurkan apa sahaja pengembangan daripada simpanannya. Misalnya faedah tahunan yang diberikan. Hanya pokok simpanannya yang wajib dizakatkan.

Di Selangor juga, mulai tahun 2017 semua jenis wang simpanan hendaklah dicampurkan dengan pelaburan dan emas yang dimiliki (sama ada emas bukan perhiasan dan emas perhiasan yang melebihi uruf), kemudian baharu dikirakan zakatnya.

**Formula**: Wang simpanan + Wang pelaburan + Emas bukan perhiasan + Emas perhiasan melebihi uruf = Jumlah mencapai atau melebihi nisab x 2.5%.

Wallahua'lam.

Disediakan oleh Ustaz Hamizul Abdul Hamid, Pengurus Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan sebarang persoalan sila emel ke hamizul@zakatselangor.com.my.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 4 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Sasar 30% wanita pembuat keputusan |
| Muka Surat | : | 23 |

# Sasar 30% wanita pembuat keputusan

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gayautusan@mediamulia.com.my

AKADEMI Kepimpinan Wanita (AKW) komited melaksanakan agenda memperkasa kaum wanita sebagai pembuat keputusan dengan memberi peluang pendidikan dan latihan berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, **Dr. Siti Mariah Mahmud** berkata, AKW ditubuhkan pada tahun 2019 untuk memberi peluang kepada aktivis wanita menjadi sebahagian 30 peratus pembuat keputusan di pelbagai sektor pada masa depan.

